KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

STATUS PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN RM1,000 KEPADA PEMANDU TEKSI, KERETA SEWA DAN BAS SEKOLAH

KUALA LUMPUR, 6 NOVEMBER 2026 – Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memaklumkan bahawa proses pembayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,000 kepada pemandu teksi dan kereta sewa yang layak sedang dilaksanakan secara berperingkat menerusi beberapa kaedah pembayaran bagi memastikan bantuan tersebut dapat disalurkan kepada penerima dengan lancar dan teratur.

Bantuan kepada Pemandu Teksi dan Kereta Sewa

Berdasarkan **rekod kad pemandu yang masih aktif sehingga 30 September 2026, seramai 15,062 pemandu teksi dan kereta sewa telah dikenal pasti berdaftar bagi tujuan penyaluran bantuan ini**. Daripada jumlah tersebut, **seramai 2,619 pemandu telah menerima bantuan menerusi baucar tunai Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula 14 Oktober sehingga 2 November 2026.** Pembayaran ini melibatkan pemandu yang dijemput menghadiri majlis penyerahan bantuan di Putrajaya, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah.

Sementara itu, **pembayaran kepada 12,033 pemandu dilaksanakan mulai 4 November 2026 menerusi kaedah pindahan terus ke akaun bank masing-masing**, **menggunakan maklumat akaun yang berdaftar bagi pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan secara tunai *cash over counter.***

Pemandu juga **boleh menyemak status pembayaran melalui akaun bank masing-masing atau Portal Bantuan Khas Kewangan (bantuanpemandu.mot.gov.my)** mulai tarikh yang sama. Lebih 80 peratus pemandu teksi dan kereta sewa bakal mendapat bayaran bantuan RM1000 sebelum hari perayaan Deepavali pada 8 November 2026.

Bagi **pemandu yang memperbaharui kad pemandu selepas 30 September hingga 25 Oktober 2026, proses pengemaskinian dan pengesahan data sedang dilaksanakan. Pembayaran kepada kumpulan ini dijangka bermula pada 11 November 2026 melalui kaedah pindahan terus ke akaun bank masing-masing** dan secara *cash over counter* setelah proses kemaskini selesai. Pemandu juga boleh menyemak status pembayaran di portal yang disediakan pada hari tersebut.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Bantuan kepada Pemandu Bas Sekolah

Dalam perkembangan berkaitan, pembayaran Bantuan Khas Kewangan RM1,000 kepada **kira-kira 7,228 pemandu bas sekolah dijangka dilaksanakan dalam masa terdekat menerusi pindahan terus ke akaun bank masing-masing,** setelah Portal Bantuan Khas Kewangan ditutup pada 30 Oktober 2026 untuk semakan dan pengesahan data. Pemandu atau syarikat **boleh menyemak status kelayakan pemandu yang telah didaftarkan melalui Portal Bantuan Khas Kewangan (bantuanpemandu.mot.gov.my) mulai minggu kedua bulan November 2026.**

APAD akan terus menyelaras pelaksanaan pembayaran bersama pihak berkaitan bagi memastikan bantuan ini dapat disalurkan kepada semua penerima yang layak dengan teratur dan lancar.

Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan MADANI dalam menghargai sumbangan golongan pemandu pengangkutan awam darat serta membantu meringankan beban kewangan mereka, khususnya dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.

###TAMAT###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
6 NOVEMBER 2026

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat
Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my